



Penstrukturan GLC dan strategi perniagaan

Jamin keadilan sosial

“Keuntungan dalam kerangka keadilan sosial adalah tonggak kepada falsafah Negeri Pembangunan. Tanpa kerangka keadilan sosial, kesenjangan ekonomi akan semakin melebar dan mampu menggugat kestabilan dan menggugat demokrasi.”

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali

BERITA LANJUT DI MUKA 2

Exco: Pemecatan Ekhsan keputusan profesional

Tidak ada bentuk arahan diberi Kerajaan Negeri untuk memecat Ekhsan. Kalau JAIS anggap ada kesalahan, maka boleh ambil tindakan tanpa arahan politik

BERITA DI MUKA 4

Projek pembangunan JAIS RM2 bilion

Ada perancangan pembangunan masjid di Saujana Putra, Sekolah Agama Rakyat serta memperkasakan Maahad Tahfiz Integrasi Istana Bandar juga Sekolah Menengah Agama Integrasi di Bagan Lalang.

BERITA DI MUKA 5

MB: Tindakan jika tak siap

“Saya tak mahu turun melancarkan projek, kemudian tak siap bertahun-tahun. Semua projek yang saya, Datuk Iskandar Abdul Samad turun mesti siap dengan kualiti baik.”

BERITA DI MUKA 6

Kuasa gubal dasar kepada guru

Kita perlu anjakan paradigma. Pendidikan perlu lebih dekat iaitu pertama peringkat negeri, kedua daerah seterusnya guru dan ibu bapa

BERITA DI MUKA 7

KLASIK...

Berbasikal antik sambil memakai pakaian seragam lama antara tarikan Kayuhan Basikal Kampungku di Kuala Langat.

Program itu menyasarkan lebih 100 penggemar basikal berkumpul dan berkayuh mengelilingi kampung bertujuan mengeratkan hubungan antara penduduk sekitar.

Kayuhan ini diketuai oleh Adun Sijangkang, Datuk Dr. Ahmad Yunus Hairi



Gambar oleh Shuaib Ayob

MB: Pelopori kepakaran kemahiran tinggi

OLEH **NAEEM RAFFI**

SHAH ALAM - Selangor memulakan kerjasama dengan Human Resource Development Center (SHRDC) bagi memelopori latihan kepakaran dan kemahiran tinggi walaupun ia dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata kesungguhan Selangor menongkah arus mereformasi sistem

pendidikan itu ekoran permintaan industri yang memerlukan tenaga kerja berinovasi dan berkemahiran tinggi.

“Sistem pendidikan negara perlu menjalani proses reformasi supaya tidak tertumpu kepada akademik sahaja sebaliknya melibatkan bidang teknikal, vokasional dan profesional.

“Saya percaya, Selangor mampu mengeluarkan produk berdaya saing melalui kerjasama ini,” katanya pada Majlis

Anugerah Kecemerlangan Pendidikan Yayasan Selangor 2014, 23 Mei lalu.

Hadir sama, Pengurus Besar Yayasan Selangor, Ismail Idris dan Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains Teknologi dan Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad.

SHRDC berperanan memberi latihan teknikal dan vokasional kepada anak tempatan melanjutkan pelajaran dalam bidang berinovasi dan berteknologi tinggi.

Mohamed Azmin mengambil contoh kejayaan Jerman sebagai negara industri paling hebat di dunia dengan memberi penumpuan khusus dalam bidang teknikal dan profesional.

“Sebahagian besar peruntukan sektor pendidikan Jerman tertumpu kepada bidang teknikal dan profesional. Usaha ini menjadi teras kepada kejayaan perindustriannya.

“Cabaran ekonomi semakin getir untuk menjadikan Sela-

ngor kekal negeri termaju dan terus menjadi penyumbang utama Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

“Kita perlu mengeluarkan produk baru (modal insan) berketerampilan dan berkemahiran tinggi,” katanya.

Pada majlis itu, seramai 196 pelajar cemerlang tajaan Yayasan Selangor menerima Anugerah Kecemerlangan Pendidikan atas pencapaian cemerlang dalam peperiksaan.

OLEH AFEEQA AFEERA & AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Penstrukturan semula aset syarikat milik negeri (GLC) dan penyelarasan strategi perniagaan anak syarikat akan membangun Selangor sebagai sebuah 'social state'.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata ia sekaligus menjamin kemakmuran melalui amalan keadilan dan pengagihan yang saksama.

Katanya, syarikat milik negeri berpaksi prinsip menjamin keuntungan syarikat demi keadilan sosial, bukan seperti syarikat swasta yang berorientasi keuntungan semata-mata.

Ini kerana, beliau berkata, pemegang saham dan pihak berkepentingan (stakeholder) kepada syarikat itu ialah seluruh rakyat Selangor.

"Keuntungan dalam kerangka keadilan sosial adalah tonggak kepada falsafah Negeri Pembangunan.

"Tanpa kerangka keadilan sosial, kesenjangan ekonomi akan semakin melebar dan

MB: Penstrukturan jamin keadilan sosial

mampu menggugat kestabilan dan menggugat demokrasi," katanya

Beliau berkata demikian pada pelancaran Agenda Makmur Selangor (Agenda) dan Kumpulan Pelaburan Darul Ehsan (DEIG), 21 Mei lalu.

Mohamed Azmin berkata, pembangunan berkualiti yang digagaskan bersifat inklusif, merangkumi semua golongan, lokaliti dan gender.

Katanya, tiada kaum atau daerah akan terpinggir dalam gagasan pembangunan kerana ia menjadi paksi kepada aktiviti ekonomi syarikat milik negeri.

"Sebagai jaminan, Kerajaan Negeri tuntas melaksanakan kebijakan yang peduli rakyat berasaskan prinsip keuntungan berasaskan tanggungjawab sosial," katanya.



Dato' Menteri Besar melancarkan Agenda Makmur Selangor (AGENDA) dan penubuhan Kumpulan Pelaburan Darul Ehsan (DEIG) bagi membantu Kerajaan Negeri mengurus tadbir ekonomi Selangor ke tahap lebih maju di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) Shah Alam

Teroka bidang baru, kemudi teknologi terkini Pelajari sistem industri Jerman

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor perlu meneroka dan membiayai bidang baru berteraskan vokasional dan kemahiran untuk membangunkan bank bakat (bank talent).

Justeru, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata syarikat milik negeri harus bersifat dinamik seiring arus modenisasi abad ini.

"Harus ada anjakan paradigma dalam pemikiran pengurusan syarikat milik negeri," katanya pada pelancaran Agenda dan DEIG, 21 Mei lalu

Sebagai penyumbang terbesar KDNK negara, beliau berkata, Selangor tidak lagi bersaing dengan negeri lain, sebaliknya sebagai negeri global atau sekurang-kurangnya negeri serantau.

"Harus ada imaginasi Selangor laksana sebuah negara. Aset negeri yang unggul adalah jumlah rakyat terbesar yang diupayakan kemahiran serta digilap bakat demi peningkatan produktiviti," katanya.

Mohamed Azmin berkata, syarikat milik negeri perlu mengemudi teknologi terkini dalam mencipta hubungan dengan rakan perniagaan di negara serantau.

Malah, katanya, Selangor perlu terlibat secara aktif dalam bidang e-commerce antaranya e-learning, e-sports, e-fitness dan e-fashion yang perlu diceburi secara lebih agresif.

Untuk menjadi negeri global, Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Negeri merangka satu 'blueprint' untuk menjadikan Selangor sebagai negeri pintar (Smart State).

Antara inisiatif yang akan dibangunkan, katanya ialah sistem pengurusan air pintar, sistem pengawasan dan keselamatan dan sistem pemantauan produk negeri.



"Kita juga akan mewujudkan prasarana untuk berinteraksi dengan rakyat yang dipanggil Citizen Pulse. Antara manfaatnya supaya setiap masalah ditangani secara efisien dan pantas.

"Dengan Blueprint Smart State, ia sebagai landasan utama dalam Agenda. Kita mampu menjadikan Selangor sebagai negeri pilihan di rantau ini," katanya.

SHAH ALAM - Selangor harus belajar dari Jerman yang menjalankan sistem dua serampang dan menjadi teras kepada kejayaan perindustriannya.

Justeru, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata peluang kerjasama dengan institusi teknikal Jerman untuk mempercepat pengeluaran tenaga mahir, sedang diteroka.

Beliau percaya reformasi terhadap sistem pendidikan negara perlu supaya tidak hanya memberi tumpuan kepada kecemerlangan akademik tetapi juga ketrampilan teknikal dan profesional.

"Meskipun pendidikan adalah bidang kuasa Persekutuan, namun Selangor akan mengambil langkah pro-aktif untuk mempelopori latihan kepakaran dan kemahiran," katanya.

Mohamed Azmin juga merancang supaya institusi pendidikan tinggi seperti UNISEL berkembang menjadi sebuah universiti serantau dengan menubuhkan kampus di negara jiran.

Selain itu, katanya turut mengadakan kerjasama konstruktif dengan universiti terkemuka dunia bagi membina bank bakat sekaligus mengorak langkah menjadi Hab Pendidikan.

Lima teras AGENDA

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Agenda Makmur Selangor (AGENDA) dan Kumpulan Pelaburan Darul Ehsan (DEIG) mampu dilaksanakan mengikut lima teras.

Ketua Pegawai Eksekutif DEIG, Raja Shahreen Raja Othman, berkata wawasan Agenda ialah menjadikan Selangor sebagai destinasi paling makmur, bersih dan peduli rakyat.

"Lima strategi teras ialah meningkatkan nilai kewangan dan strategik pelaburan sedia ada dan yang baru. Selain itu, rasionalisasi aset antara agensi dan pelaburan negeri.

"Mengukuh tadbir urus korporat dan budaya berprestasi tinggi, meningkatkan daya saing GLC negeri serta memperhebat tanggungjawab sosial dan penjagaan alam sekitar," katanya.

Beliau berkata demikian

"Lima strategi teras ialah meningkatkan nilai kewangan dan strategik pelaburan sedia ada dan yang baru"

RAJA SHAHREEN
Ketua
Pegawai
Eksekutif
DEIG



pada pembentangan sebelum majlis perasmian Agenda, 21 Mei lalu yang dirasmikan Dato' Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali.

Kata Raja Shahreen, tiga prinsip panduan pelaksanaan Agenda ialah fokus terhadap prestasi dan hasil; akauntibiliti, berkualiti dan mampan serta kerjasama dengan pemegang kepentingan.

Katanya, Agenda akan dilaksanakan melalui empat fasa bermula tahun ini sehingga 2025, dimulai dengan tema mobilisasi dan perancangan.

"Fasa pertama bermula tahun ini manakala fasa kedua pada tahun hadapan memfokuskan pengukuhan tapak asas.

"Mencapai kecemerlangan dan dapat mempertahankan prestasi yang tinggi secara berterusan pula adalah tema fasa ketiga yang akan bermula tahun 2017 hingga 2018.

"Tema manfaat daripada semua perubahan disampaikan kepada seluruh Selangor untuk 2019 hingga 2025," katanya.

TINJAUAN ORANG RAMAI

Penubuhan Kumpulan Pelaburan Darul Ehsan (DEIG) diyakini mampu membantu Kerajaan Selangor mengurus tadbir ekonomi negeri ke tahap lebih maju. Tinjauan mendapati ramai menyifatkan pelaksanaan DEIG tepat pada masanya.

Secara tak langsung, ia menjurus kepada penambahan ekonomi lebih baik daripada sedia ada dan memberi peluang kepada usahawan baru untuk mendepani dunia korporat semasa. Sebagai peniaga, penubuhan ini memang ditunggu generasi muda atau sebahagian ahli korporat baru untuk mendepani anak syarikat (GLC) di bawah Kerajaan Selangor.




Kontraktor, Mohd Ali Md Rasid.



DEIG menjadikan anak syarikat Kerajaan Negeri ini lebih teratur berbanding sebelumnya. Ia membantu GLC bekerjasama bagi mempamer pencapaian tertinggi dari sudut ekonomi untuk manfaat rakyat Selangor. Semua dipantau dari atas dan saluran maklumat juga sekata kerana GLC ambil tahu antara satu sama lain serta lebih teratur. Saya yakin ia boleh capai perkara itu melalui kerjasama."

Pengurus Keselamatan Kumpulan Semesta Sdn Bhd, Asnan Ismail

DEIG memberi gambaran jelas berkenaan hala tuju dan masa depan Kerajaan Selangor terutama dari sudut ekonomi dan pelaburan. Rakyat juga lebih jelas berkenaan objektif Kerajaan Selangor dan sekurang-kurangnya ada pembangunan untuk memacu ekonomi negeri.



Kakitangan swasta, Azlina Abdullah

Perlu tumpu sektor hartanah

SHAH ALAM - Pelaburan dalam sektor hartanah dan ekuiti bursa saham perlu diberi penekanan dalam Agenda Makmur Selangor (Agenda), kata Adun Sekinchan, Ng Suee Lim.

Katanya, sektor itu perlu diberi perhatian selaras usaha melonjakkan Selangor ke arah lebih maju dan berpendapatan tinggi.

"Sebagai negeri yang jadi tumpuan pelabur, ia diharap membuat pelbagai tumpuan untuk menarik lebih banyak pelabur," katanya.

Kepada Selangor Kini, beliau berkata, DEIG perlu diperkasa ter-

masuk meletakkan beberapa pakar dalam badan terbabit.

Adun Hulu Kelang, Saari Sungib pula, berkata DEIG perlu ada kuasa penuh dalam pelaburan kerana ia induk kepada syarikat berkaitan negeri (GLC) lain.

Beliau menyifatkan penjenamaan semula itu sebagai landasan DEIG untuk dijadikan 'Profit Centre'.

"Saya sokong ia diselaras. Ia pembaharuan baik kerana bertindak sebagai 'profit centre' yang mempunyai asas luas kepada GLC lain," katanya.

EMPAT MATLAMAT AGENDA MAKMUR SELANGOR

Menjana hasil tinggi untuk Negeri

- Kerajaan negeri mahukan anak syarikat negeri melonjakkan prestasi dan pendapatan kepada negeri. Aspirasi kita ialah ada beberapa GLC Selangor menjadi juara serantau. Pulangan dari pelaburan dan perniagaan yang berjaya akan menaikkan pendapatan pekerja syarikat dan pendapatan keluarga mereka.

Pengagihan kekayaan yang saksama

- Hasil keuntungan dari perniagaan akan dilabur semula untuk pembangunan syarikat, pembangunan modal insan, R&D untuk produk dan khidmat baru dan program Tanggungjawab Sosial Korporat. Pulangan dan keuntungan untuk kerajaan akan disalurkan untuk program pembangunan dan kebajikan untuk rakyat.

Menjamin kehidupan berkualiti untuk Rakyat

- Penyusunan semula strategi dan penambahbaikan penyampaian khidmat awam dalam perumahan, pengurusan sisa pepejal, air, infrastruktur awam dan sebagainya harus memberi impak positif dan menaikkan kualiti hidup rakyat.

Penciptaan Kerja Bernilai Tinggi

- Usaha peningkatan prestasi GLC negeri dan perniagaan baru akan mencipta peluang pekerjaan terutamanya dalam sektor pertumbuhan baru yang memerlukan ramai pekerja profesional dan berkemahiran tinggi; ini adalah pekerjaan bernilai dan berpendapatan tinggi.

SELANGOR SIDANG PENGARANG

KETUA PENGARANG: Fazallah Pit

PENGARANG BERITA: Hafizh Mokhtar & Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG: Mohd Ezi Mashut

WARTAWAN: Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com,

Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com, Lizawati Madfa: lizalyn84@gmail.com,

Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com, Nazli Ibrahim: nazliibrahim@gmail.com,

Syazwani Sufian: syazwanisufian@ccsb.selangorku.com

JURUGAMBAR: Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com

Tunggu penjelasan

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor menunggu penjelasan JAIS berhubung pemecatan guru sambilan Sekolah Rendah Agama Pekan Kapar, Ekhsan Bukhree Badrul Hisham.

Exco Hal Ehwal Agama, Adat Melayu, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi, berkata pemecatan itu dilakukan JAIS mengikut bidang kuasa jabatan berkenaan.

"Kita akan dapatkan maklumat dan penjelasan JAIS. Buat masa ini, kita hanya dimaklumkan surat dikeluarkan sejak minggu lalu. Kita kena teliti dahulu sebelum buat kenyataan dibuat.

"Ekhsan juga berstatus sementara, bukan kontrak. Bagaimanapun, beliau boleh buat rayuan mengikut saluran betul," katanya selepas sidang media Selangor Islamic Fest 2015 di Yayasan Restu, di sini, 21 Mei lalu.

“

Kita akan dapatkan maklumat dan penjelasan JAIS. Buat masa ini, kita hanya dimaklumkan surat dikeluarkan sejak minggu lalu

DR YUNUS HAIRI
Exco Hal Ehwal Agama

Dakwa tidak langgar perjanjian

SHAH ALAM - Ekhsan Bukhree Badarul Hisham menolak dakwaan JAIS berlaku pelanggaran perjanjian pelantikannya sebagai guru KAFA.

Katanya, tindakan menyerahkan surat 'Suara Hati Guru Kafa' hanya sebagai menuntut janji manifesto Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU 13).

"JAIS selaku majikan patut beri sokongan penuh tetapi malangnya mengambil keputusan berlawanan," katanya ke-

Exco: Pemecatan Ekhsan keputusan JAIS



Dr Yunus Hairi

OLEH NAZLI IBRAHIM

KUALA LANGAT - Kerajaan Selangor tidak pernah mengarahkan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) memecat Ekhsan Bukhree Badarul Hisham sebagai guru Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA).

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi Selangor, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi, berkata ia keputusan JAIS tanpa campur-

tangan mana-mana pihak.

"Kerajaan Negeri memberi kuasa kepada semua jabatan menguruskan pentadbiran mereka secara profesional.

"Jadi, tindakan yang dibuat juga haruslah profesional. Tidak ada bentuk arahan diberi Kerajaan Negeri untuk memecat Ekhsan.

"Kalau JAIS anggap ada kesalahan, maka boleh ambil tindakan tanpa arahan politik," katanya pada sidang media di Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Langkat, di sini, 22 Mei lalu.

Ahmad Yunus juga yakin JAIS sudah mengambil kira pelbagai sudut dan memenuhi prosedur sebelum memecat Ekhsan.

Ehsan menerima surat penamatan perkhidmatan 20 Mei lalu selepas diberi surat tunjuk sebab dan menghadiri prosiding tertentu.

Pada 8 April lalu, beliau dihalang memasuki Dewan Negeri Selangor (DNS) bagi menuntut janji kenaikan elaun guru KAFA dari RM1,300 kepada RM1,500 sebulan.

Punca dipecat langgar perjanjian lantikan

SHAH ALAM - JAIS memutuskan untuk memecat Ekhsan Bukhree Badrul Hisham berikutan ada pelanggaran perjanjian pelantikan.

Pengarahnya, Datuk Haris Kasim mengesahkan pemecatan guru terbabit yang berkuatkuasa, bermula 1 Jun ini.

"Media dipohon merujuk surat penamatan perkhidmatan beliau," katanya dalam kenyataan media, 22 Mei lalu.

Surat ditandatangani Ketua Penolong Pengarah (Pendidikan Islam) Jais, Mohamad Amir Danuri, bertarikh 14 Mei lalu.

Memetik The Malaysian Insider, Ekhsan mendedahkan

empat alasan pemecatannya dalam surat bertarikh 20 Mei lalu.

- Gagal mematuhi nasihat panel penyiasat supaya membatalkan sidang media yang dijadual 14 April lalu.
- Gagal mematuhi persetujuan bersama panel penyiasat pada 24 April lalu untuk berhenti membuat kenyataan media
- Melakukan provokasi ke sidang DNS walaupun dihalang pada 8 April lalu.
- Prestasi kerja direkod sebagai rendah dan gagal menunjukkan kesungguhan berubah walaupun diberi nasihat.

Wujud pusat bantuan segera di masjid



KUALA LANGAT - Masjid di negeri ini digalakkan mewujudkan mekanisme bagi membolehkan bantuan ekspres disalurkan kepada ahli kariah yang memerlukan bantuan segera.

Ia membolehkan mereka yang terdesak membeli keperluan asas antaranya susu bayi, beras, tepung, gas dan minyak masak untuk tempoh tertentu.

Exco Selangor, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, ia kerana sesetengah individu enggan ke agensi tertentu berikutan faktor jarak, kos, kekangan pelbagai prosedur dan syarat.

"Kalau kita buka tabung masjid untuk keperluan masyarakat, tak jadi masalah

walaupun diwujudkan untuk pembangunan dan program masjid.

"Cuma, dari segi 'genuinity' (kesahihan) perlu diambil kira supaya tiada mengambil kesempatan.

"Bagus jika masjid mampu menjadi pusat untuk golongan yang memerlukan, bukan sekadar tempat beribadah," katanya.

Apatah lagi, beliau berkata, jawatankuasa masjid mengenali ahli kariah sekaligus memudahkan mekanisme bantuan ekspres itu dilaksanakan.

Wujud dakwaan amalan prosedur ketat dan proses panjang sebelum kelulusan diberi di agensi kebajikan hingga membebankan rakyat miskin.

Projek pembangunan JAIS RM2 bilion

OLEH NAZLI IBRAHIM

KUALA LANGAT - JAIS akan menjalankan projek pembangunan bernilai lebih RM2 bilion dalam lima tahun mengikut Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11).

Antaranya, Exco Selangor, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi, ber-

kata, projek pembinaan masjid, sekolah agama, surau dan institusi berkaitan jabatan itu.

"Ada perancangan pembangunan masjid di Saujana Putra, Sekolah Agama Rakyat serta memperkasa Maahad Tahfiz Integrasi Istana Bandar juga Sekolah Menengah Agama Integrasi di Bagan Lalang.

"Ada masih dalam kajian tetapi dianggarkan RM2 bilion dalam RMK-13 tetapi bergantung kepada permintaan semasa," katanya pada sidang media di Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Langat, 22 Mei lalu.

Lawatan itu sebahagian Program Karnival Kampungku



Kesayangan peringkat Kuala Langat.

Beliau berkata, permintaan itu dijangka meningkat atas faktor peningkatan keperluan antaranya pertambahan penduduk.

Perkenal Hotline 24 Jam JAIS



Datuk Haris Kasim

SHAH ALAM - Talian Hotline 24 Jam JAIS membolehkan orang ramai melaporkan kesalahan undang-undang hal ehwal agama Islam dengan pantas.

Pengarahnya, Datuk Haris Kasim, berkata ia sejajar dasar satu pintu yang membolehkan orang ramai menyalur maklumat dan siasatan serta tindakan segera dibuat.

Katanya, Bahagian Penguatkuasaan JAIS mewujudkan talian itu bagi mendepani insiden, salah faham dan kemarahan awam selain meningkatkan kualiti perkhidmatan.

"Sistem aduan awam sudah wujud di setiap Pejabat Agama Islam Daerah sejak 2001 sebelum dinaik taraf kepada sistem hotline yang berpusat di ibu pejabat.

"Ia sistem talian aduan awam pertama diwujudkan di Malaysia. Ia seperti 'call centre' sebelum aduan yang diterima ibu pejabat diserahkan untuk mengambil tindakan.

"Kita dapat memantau status aduan sama ada sudah diambil tindakan atau tidak," katanya pada Majlis Perasmian Hotline 24 Jam, 25 Mei lalu.

Orang awam ada aduan berhubung hal ehwal agama boleh menghubungi JAIS melalui talian 1-800-88-24-24.

Pada majlis sama, seramai 223 pegawai penguatkuasaan JAIS diberi tauliah kuasa mengikut Seksyen 79 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003 Pindaan 2014.

Haris berkata, penguatkuasaan itu memiliki kuasa menyiasat atau menangkap dalam kesalahan berkaitan dengan hal ehwal agama Islam berpandukan dokumen tertentu.

Beliau berkata, dokumen itu sebagai garis panduan bagi memastikan setiap tugas dan tindakan dilakukan dengan cekap dan tidak mengatasi undang-undang.

MBI, INPENS baik pulih maahad tahfiz

KUALA SELANGOR - Sebanyak RM30,000 diperuntuk Kementerian Besar Selangor (MBI) bagi membaik pulih Maahad Tahfiz Al-Quran Al-Ansar Kampung Asahan berikutan struktur bangunannya rosak.

Ketua Program Tanggungjawab Sosial Korporat MBI, Mohd Jaafarudin Md Ali, berkata seramai 50 sukarelawan Kolej Antarabangsa INPENS membantu memasang semula litar pendawaian elektrik di maahad itu.

"Kami menyeru pihak lain tampil menghulurkan bantuan," katanya selepas Majlis Penghargaan Sukarelawan Pendawaian Elektrik, 19 Mei lalu.

Pengurus Jabatan Komunikasi Korporat Kolej INPENS, Jefri Mejan pula, berkata kerja-kerja pemasangan itu mengambil masa hampir seminggu termasuk pendawaian elektrik di khemah penempatan sementara.

Katanya, program Bakti Siswa itu memberi peluang pelajar INPENS menimba pengalaman belajar dalam



Mohd Jaafarudin Md Ali (tengah) menyampaikan sijil penghargaan kepada pelajar INPENS yang turut sama dalam bakti siswa membaiki Maahad Tahfiz Al-Ansar Kuala Selangor

situasi sebenar.

"Ia membuktikan graduan kemahiran ada prestij tersendiri kerana mampu merealisasikan ilmu kemahiran walaupun belum tamat pengajian," katanya.

Ribut kencang menyebabkan bumbung

kediaman asrama tercabut 17 April lalu sekaligus memusnahkan peralatan seperti tilam, pakaian dan perabot.

Kerajaan Selangor menghulurkan bantuan RM100,000 untuk kerja baik pulih itu.

Selebriti meriahkan Islamic Festival 2015

SHAH ALAM - Selebriti popular seperti Diana Amir, Altimet, Sham Kamikaze, Ali XPDC dan Lah Ahmad bakal mewarnai Selangor

Islamic Fest 2015 pada 30 dan 31 Mei ini.

Bertempat di Stadium Malawati Shah Alam, program dua hari itu menampilkan Pencetus Ummah Rahmat dan Ustaz Akhil Hayy melalui program bual bicara anak muda.

Bermula jam 10 pagi, hari pertama program dimulai dengan

persembahan demo panahan adiwira, pameran dan pertandingan kucing, program bedah buku serta Cat Talk oleh Sham Kamikaze.

Ia diteruskan dengan program bual bicara menampilkan Ustaz Akhil Hayy dan Ali XPDC.

Perasmian akan disempurnakan Dato' Menteri Besar,



Pencetus Ummah Rahmat Ikhsan

Mohamed Azmin Ali dan tirai festival ditutup dengan Malam Selangor Berselawat 2015.

Program bicara santai 'Bercinta Selepas Nikah' oleh Rahmat dan Diana Amir manakala Pelancungan Dalam Islam akan berlangsung pada hari kedua.

Kemuncak malam terakhir menampilkan Altimet dan Lah Ahmad melalui persembahan istimewa Malam Gema Selangor Islamic Fest 2015.

Program itu anjuran Kerajaan Selangor dengan kerjasama Tourism Selangor dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Pemaju Rumah Selangorku mesti siapkan projek ikut tempoh

MB: Tindakan jika tak siap

RUMAH MAMPU MILIK GAMUDA LAND BERHAD		
UNIT	JENIS	HARGA
142	A	RM42,000
72	B	RM100,000
72	C	RM180,000
428	D	RM220,000

OLEH NAZLI IBRAHIM

KAJANG - Pemaju Rumah Selangorku perlu menyiapkan projek mengikut tempoh ditetapkan atau berdepan tindakan jika gagal berbuat demikian.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata kegagalan pemaju hanya menyusahkan rakyat khususnya pembeli unit rumah mampu milik itu.

"Saya tak mahu turun melancarkan projek, kemudian tak

siap bertahun-tahun. Semua projek yang saya, Datuk Iskandar Abdul Samad turun mesti siap dengan kualiti baik.

"Mana-mana yang gagal akan dikenakan tindakan kerana ia membebaskan rakyat," katanya ketika merasmikan Pelancaran dan Pendaftaran Rumah Mampu Milik Gamuda Land Berhad di Jade Hills, 23 Mei lalu.

Beliau berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Pejabat



Daerah diarah memantau setiap projek rumah mampu milik di kawasan masing-masing.

Gamuda Land melancarkan

714 unit rumah mampu milik merangkumi jenis A,B,C dan D yang berbeza bilangan unit dan harga.

Projek itu yang ketujuh daripada sembilan projek Rumah Selangorku dan dilancarkan Kerajaan Selangor, tahun ini.

KUASEL pantau projek Projek lain boleh dihenti

KAJANG - Pasukan khas ditubuh bagi memastikan kualiti binaan Rumah Selangorku supaya menepati piawaian yang ditetapkan.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Datuk Iskandar Abdul Samad, berkata Pemantau Kualiti Rumah Selangorku (KUASEL) akan memantau perkembangan semua projek itu.

"Kita tidak boleh berkompromi dalam aspek ini kerana akhirnya ia menjadi masalah kepada rakyat yang akan mencari kerajaan untuk penyelesaian.

"Jadi, kita perlu bertegas dari awal lagi. Ini tanggungjawab kita bersama," katanya pada Majlis Pelancaran dan Pendaftaran Rumah Mampu Milik Gamuda Land Berhad di Jade Hills, 23 Mei lalu.

Beliau berkata, KUASEL dianggotai wakil Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS), anak syarikat Kerajaan Negeri lain dan ahli profesional.

Selain KUASEL, katanya, Kerajaan Negeri turut menubuh jawatankuasa khas bagi mempercepat proses kelulusan kebenaran merancang dalam masa kurang 60 hari.

KAJANG - Pemaju berdepan pemberhentian projek lain jika gagal menyiapkan Rumah Selangorku, kata Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Datuk Iskandar Abdul Samad.

Beliau berkata, tindakan itu boleh dibuat berikutan pemaju turut terbabit dalam projek pembangunan lain di negeri ini.

"Kita boleh hentikan projek dan tidak keluarkan kebenaran merancang untuk projek mereka selepas itu," katanya pada Majlis Pelancaran dan Pendaftaran Rumah Mampu Milik Gamuda Land Berhad di Jade

Hills, 23 Mei lalu.

Kata Iskandar, tindakan itu perlu bagi mengelak kes rumah terbungkalai yang banyak berlaku pada era pentadbiran Umno BN.

"Ini kerana kerajaan Umno BN meluluskan projek tetapi ada antara mereka langsung tidak membina rumah yang dijanjikan. Kita tak mahu ulangi kesilapan sama.

"Kualiti juga teruk. Kita tak mahu ia berlaku lagi. Ini menyusahkan rakyat yang terpaksa menanggung hutang bank tetapi rumah tak siap atau tak berkualiti," katanya.



Kita boleh hentikan projek dan tidak keluarkan kebenaran merancang untuk projek mereka selepas itu

ISKANDAR SAMAD
Exco Perumahan



Rumah Selangorku menerima sambutan hangat orang ramai

RM30 juta baiki rumah kos rendah

KAJANG - Sejumlah RM30 juta dibelanjakan bagi membaiki pelbagai kerosakan pangsapuri kos rendah yang dibina ketika pentadbiran Umno BN.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Datuk Iskandar Abdul Samad, berkata BN bersikap lepas tangan terhadap kualiti

binaan dan kemampuan pemaju menyiapkan projek.

"Hampir semua rumah kos rendah dibina sebelum ini berkualiti rendah. Kini, penduduk dibebani pelbagai masalah.

"Rumah yang susah payah dibeli menjadi neraka kepada mereka," katanya dalam Maj-

lis Pelancaran dan Pendaftaran Rumah Mampu Milik Gamuda Land Berhad di Jade Hills, 23 Mei lalu.

Beliau berkata, sebahagian pembeli terpaksa membayar pinjaman tetapi projek terbungkalai atau tidak dibina selain terpaksa mendiami rumah berkualiti rendah.

TINJAUAN ORANG RAMAI

Agihan bantuan pendidikan membawa perubahan positif terhadap kemajuan sekolah dan pelajar di Hulu Langat.

“Keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun lalu meningkat berbanding sebelumnya. Pelbagai program seperti kelas tambahan dan motivasi membuahkan hasil. Kita turut menambahbaik infrastruktur sekolah untuk manfaat guru dan pelajar.”

Pengerusi PIBG Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ampang, M Murugan



“Peruntukan digunakan bagi membaiki kelas dan menambah kemudahan sedia ada. Walaupun terhad tetapi banyak membantu pelajar. Sekolah juga mampubaiki kerosakan dan lebih kemudahan disediakan.”

Ketua Guru Kafa Integrasi Irshad Ampang, Suzaimah Amir

“Masalah dihadapi sekolah diatasi secara berperingkat hasil bantuan itu. Kitabaiki banyak kerosakan seperti pagar, kantin dan tandas. Kini, sekolah alami perubahan lebih baik.”

Timbalan Pengerusi Lembaga Pengurusan SJK (Cina) Batu 18 Hulu Langat, Tan Yot Teck



RM11 juta disalur kepada 466 sekolah

KUALA KUBU BHARU - Hampir RM11 juta diagih kepada 466 sekolah seluruh negeri, kata Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains & Teknologi dan Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad.

Katanya, Hulu Selangor menerima RM565,000 melibatkan 28 sekolah merangkumi 10 Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan lapan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).

“Ia daerah keempat terima bantuan selepas Gombak, Klang dan Hulu Langat,” katanya pada Majlis Agihan Bantuan Pendidikan Selangor 2015 peringkat Hulu Selangor, 22 Mei lalu.

Nik Nazmi berkata, Kerajaan Selangor komited menambah baik akses pendidikan bagi melahirkan generasi berilmu melalui pelbagai skim bantuan.

“Ia membolehkan suasana pembelajaran menjadi lebih kondusif apabila kemudahan pendidikan berada pada tahap baik,” katanya.

Tahun ini, Kerajaan Negeri memperuntuk RM16 juta melalui Bantuan Pendidikan Sela-

“

Ia membolehkan suasana pembelajaran menjadi lebih kondusif apabila kemudahan pendidikan berada pada tahap baik

NIK NAZMI

Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains & Teknologi dan Inovasi

ngor dengan RM11 juta sudah disalur.

SAR menerima RM6 juta manakala SJKC dan SJKT masing-masing RM4 juta.

“Baki RM2 juta adalah rizab kecemasan seperti kebakaran atau bencana alam. Ia digunakan bagi membantu Sekolah Tahfiz Khairul Alam, di Seri Muda yang terbakar, baru-baru ini,” katanya.

Kuasa gubal dasar kepada guru

OLEH HAFIZAN TAIB

BANDAR BARU BANGI - Penggubalan struktur pentadbiran pendidikan baharu wajar dibuat melalui kuasa pembuat dasar yang luas tanpa terhad kepada Kerajaan Persekutuan

Ini kerana, Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains & Teknologi dan Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata sistem pendidikan perlu berubah sesuai dengan situasi semasa.

“Kita perlu anjakan paradigma. Pendidikan perlu lebih dekat iaitu pertama peringkat negeri, kedua daerah seterusnya guru dan ibu bapa.

“Ini supaya mereka dapat memberi maklum balas berkenaan dasar sekolah. Pengetua diberi kuasa dalam pentadbiran dan pelantikan atau memecat guru,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Agihan Bantuan Sekolah 2015 peringkat Hulu Langat, 19 Mei lalu.



Bantuan Pendidikan bagi menaiktaraf sekolah serta manfaat pelajar di daerah Hulu Langat

Bantuan RM1.35 juta diagih kepada 71 Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di daerah berkenaan. Nik Nazmi berkata, amalan itu dipraktik di negara maju dengan kuasa pembuat dasar diberi

hingga ke peringkat bawah. “Model diguna pakai sesuai ketika baru mencapai kemerdekaan kerana waktu itu kekurangan pakar dan kemudahan. “Hari ini kita perlu mengubah struktur pentadbiran pendidikan bersesuaian dengan masa kini,” katanya.

PUSAT KOMERSIAL

DENGAN AKSES MENYELURUH DI PUCHONG SELATAN

BUSINESS PARK
PUSAT KOMERSIAL

- REKA BENTUK MODEN DENGAN TINGKAP BERHADAPAN
- 95% LENGKAP
- RUANG LETAK KERETA YANG MENCIUKUPI
- 10% DISKAUN BUMIPUTRA

LEBUHRAYA LDP

KEDAI PEJABAT 3 & 4 TINGKAT - 24' X 75'

03-8958 0880 / 017-208 7277

www.hapsengland.com

© Hapseng Land Sdn Bhd. All rights reserved.
No. 7, Jalan D'Almeida 11, Taman D'Almeida, 47100 Puchong, Selangor



▲ BERBAKAT... Adun Meru, Dr Abdul Rani Osman di Festival Belia Meru yang menampilkan 15 acara sukan bagi mewujudkan masyarakat cergas



▲ CERGAS... Adun Ijok, Dr Idris Ahmad melepaskan acara berbasikal Ijok Fun Ride 2015 mengelilingi DUN itu dalam usaha mewujudkan masyarakat sihat



RETRO - RENAISSANS - KEUNIKAN





GPI COORDINATE | 3.1040.101.9104

BUMI DISKAUN 10% - RESET EMAS 5%
PERABOT SEPARA LENGKAP
150M KE PARADISE MALL KELANA JAYA

03-7960 6188
WWW.PINNACLEWORLD.COM



Pertandingan Bekerjasama Dengan
Penasaran Properties Sdn Bhd (0016114)
Pusat
Terra Mulus Kelana Sdn Bhd (0016114)





▲ HARGAI PENGORBANAN... Adun Rawang, Gan Pei Nei meraikan Program Sambutan Hari Ibu dan Bapa di DUN itu bagi memberikan penghargaan kepada para ibu bapa yang banyak menaburkan jasa



▲ Adun Sekinchan, Ng Suee Lim menyampaikan bantuan Skim Mesra Usia Emas (SMUE) Fasa-2 Peringkat Daerah Sabak Bernam di Balai JKKK Bagan Sekinchan yang turut dihadiri Adun Sabak, Sallehen Mukhyi



Milikilah Kediaman Idaman Anda Hari Ini!

UNIT BUMIPUTRA SAHAJA

Berdekatan persimpangan **MEX** (sedang dibina)

— **RUMAH BERKEMBAR & SUPERLINK** —



www.sunwayproperty.com/eastwood ☎ **019 3811 832**

Sunway Eastwood Sdn Bhd (mcam-1)
Little Lake, Menara Sunway,
Jalan Lagoon Timur, Bandar Sunway,
47500 Petaling Jaya, Selangor
Tel: 03-5629 8000

Sales Gallery:
Sunway Eastwood Gallery,
Jalan Equine 2, Taman Equine,
43300 Seri Kembangan, Selangor



• Developer: Sunway Eastwood Sdn Bhd - Lobby Level, Menara Sunway, Jalan Lagoon Timur, 47500 Bandar Sunway, Selangor DE • Developer's License No.: 11718-1/13-2015(00109/L) • Validity Period: 2013/2014-20/12/2015 • Advertising & Sales Permit: 11718-1/13-2015(00109/P) • Validity Period: 2013/2014 to 20/12/15 • Tenure of Land: Leasehold 99 years (Expires on 20 June 2115) • Land Encumbrances: Alliance Bank Malaysia Berhad • Registration in Interest. The land shall not be transferred, leased or charged without prior approval by the State Authority. Phase 1C (Semi C) • Building Plan Reference No.: MPS20020420C-000 • Approving Authority: Majlis Perbandaran Subang Jaya • Expected Date of Completion: September 2017 • Semi-D (Type F), 11 units, Price: RM2,745,000 (min) - RM3,375,000 (max) • Semi-D (Type F), 18 units, Price: RM2,481,000 (min) - RM2,991,000 (max) • Developer's License No.: 11718-1/13-2015(00110/L) • Validity Period: 15/02/2014-16/03/2016 • Advertising & Sales Permit: 11718-2/02-2015(001400/P) • Validity Period: 15/02/2014 to 14/03/2016 • Phase 3 (Park Villa) • Building Plan Reference No.: MPS210204000-1/104 (SPR-C) • Approving Authority: Majlis Perbandaran Subang Jaya • Expected • Date of Completion: February 2017 • Park Villa (Type A): 25 units, RM1,430,000 (min) - RM1,808,000 (max); Park Villa (Type B): 36 units, RM1,495,000 (min) - RM1,820,000 (max); Park Villa (Type C): 3 units, RM1,273,000 (min) - RM1,581,000 (max) • Bumiputra discount of 7% • The information contained herein is subject to change without notification as may be required by relevant authorities or the Developer's consultant and cannot form part of an offer or contract. Actual built-up of units may vary slightly from measurements given. Whilst every care is taken in providing this information, the overall, developer, manager cannot be held liable for variations. All illustrations and pictures are artist's impressions only. The terms are subject to variations, modifications and substitutions as may be recommended by the Company's consultants and/or relevant Approving Authorities.

SUNWAY

Licik yang kurang ajar

OLEH AL GHAZALI

*Bertih Jawa bidara puan,
Antah tepung dalam gantang,
Putih dia bicara tuan,
Orang mengepung sudah datang.*

*Puan bertanjak bunga melati,
Diampu pula dengan kain,
Bukan aku takut akan mati,
Sesalku tidak puas bermain.*

Dua rangkap pantun nakal dalam halaman terakhir buku Hikayat Raja Babi menutup pembacaan sekaligus membuat saya menyeringai puas. Ini kali pertama saya membaca sebuah hikayat Melayu lama, dan langsung terpukau dengan *advencer* seorang raja yang teramat di dalamnya.

Sewaktu kecil saya pernah terhibur dengan cerita Kembara Ke Barat yang mengisahkan tentang seorang sami Dinasti Tang bernama Xuanzang yang ditemani tiga pengikutnya iaitu mo-



nyet bernama Sun Wukong, babi bernama Zhu Bajie, Sha Wujing dan seekor kuda putih. Kisah hikayat ini ditulis oleh seorang pengarang Dinasti Ming pada kurun ke-16. Ia mengisahkan tentang kembara suka duka seorang sami dalam memperoleh teks sutra suci agamanya.

Hikayat Raja Babi dan Kembara Ke Barat adalah dua naskah hikayat yang berbeza tetapi ia memiliki persamaan daripada segi konteks sezaman yang cuba digambarkan oleh Usup Abdul Kadir dan Wu Cheng'en sebagai pengarangnya.

Wu Cheng'en menyambung tradisi penceritaan bangsanya dengan perlambangan, mitologi Cina, falsafah keagamaan Tao dan Buddha, kepercayaan pagan tanah besar, nilai ketinggian moral dalam rukun amalan Tao, dan bodhisattvas bawaan Buddha yang sudah bersebuti dengan karakter masyarakat Cina. Walaupun sudah ratusan tahun teks ini ditulis, ia masih lagi relevan dengan suasana masyarakat zaman moden.

Seperti Wu Cheng'en, naskah tulisan Usup Abdul Kadir ini juga menyambung tradisi penceritaan bangsa Melayu yang kaya dengan kiasan, nilai murni keagamaan Islam, ketinggian akal budi, kehalusan bahasa pertuturan, penggunaan pantun sebagai medium nasihat, dan juga sikap berani orang Melayu yang tidak takut menegur pemerintah. Usup menjalinnya secara berseni dengan memuatkan kisah pengembaraan yang komikal, padat dengan aksi pertarungan, dan alegori yang sangat tajam dengan tujuan

menghantar satu sindiran khusus kepada golongan raja ketika itu.

Meskipun ruang perdebatan tentang matlamat penulisan Hikayat Raja Babi ini masih terbuka, melalui tajuknya yang provokatif, kita boleh katakan yang ia memang sengaja ditulis bagi menjentik sikap pemerintah pada zaman itu. Raja adalah satu sosok yang agung dalam kehidupan masyarakat Melayu, yang terletak di tahap yang tertinggi. Titah seorang raja adalah perintah mutlak yang tidak boleh dipedulikan.

Tetapi apabila satu sosok mulia digabungkan dengan seekor binatang yang dianggap kotor dan perlu dihindari, ia tentunya memberikan satu gambaran kekacauan sistem beraja hingga Usup tergamak mahu menuliskannya. Usup bukan setakat berjiwa besi malah dia seorang pengarang yang licik. Dia mempersembahkan ceritanya secara sinis, tetapi kaya dengan lapis makna dan membawa tafsiran yang pelbagai.

Usup memahami akal budi orang Melayu meskipun berketurunan khoja. Hikayat bukan sesuatu yang baru dalam tradisi persuratan orang Melayu. Penulisan hikayat adalah arketaip cara orang Melayu dahulukala mengkritik. Orang Melayu jiwanya sensitif dan tidak boleh ditegur secara terbuka. Tetapi mereka boleh menerima kritikan yang dibuat dengan nada humor dan bergelak ketawa. Inilah sebab kenapa Usup tidak dihukum oleh pemerintah walaupun menyentuh keras perihal kedudukan raja. Usup menegur dengan bahasa yang terkawal dan tidak bernada serius. Tidak terlalu berhati-hati dan tidak juga terlalu memberontak. Usup membidas

sama seperti pekerti orang Melayu, peringatannya keras dalam lembut, namun isinya tetap berbisa.

Usup seorang peranakan Kuj yang berlayar dari Semarang ke Palembang atas urusan bisnes. Apabila perniagaannya tidak mendapat sambutan, dia berlabuh di Sungai Lawang dan menghiburkan hatinya dengan menulis. Hikayat ini disukai di Semarang dan disimpan oleh tiga generasi pemilik. Manuskrip ini diperoleh oleh John Crawfund yang berkhidmat dengan pentadbiran British di Jawa dari 1811-1816. Dia menjual koleksi manuskrip Indonesia miliknya ke British Museum pada 1842. Ia wujud secara tunggal dan tidak ada di mana-mana perpustakaan di dunia. Amir Muhammad melalui Buku Fixi menerbitkannya semula dalam versi rumi. Hikayat ini satu khazanah penting orang Melayu yang cuba dipopularkan semula dan usaha ini perlu diberi pujian.

Hikayat Raja Babi tulisan Usup Abdul Kadir membawa isi penting yang terus relevan dengan kehendak masyarakat bawahan. Ia kaya dengan ketinggian budi bahasa orang Melayu yang berani mengkritik secara halus bagi melindungi niat kurang ajar. Naskah ini penting untuk orang zaman dahulu, masih lagi penting untuk orang masa kini, dan tetap kekal penting untuk orang zaman akan datang.

Usup Abdul Kadir menjadi bukti kewibawaan pengarang Melayu yang tidak takut menunjukkan sikap, dan berani menyampaikan kebenaran melalui mata pena, walaupun terpaksa melanggar daulat seorang raja.

WAJAH SIASAH KITA?

*Semakin hari aku kian jemu
melihat manusia banyak wajah
dalam kancah siasah
hari ini bertopeng malaikat
esok berperangai syaitan*

*Minggu berganti
aku tidak lagi betah
mendengar manusia petah
mematah hujah
bukan berdasar ilmu
tapi berlandas nafsu*

*Bulan bertukar
aku jadi benci
melihat manusia bercakaran
bukan mencari damai
tapi meramai musuh
tidak sepakat walau dekat*

*Tahun berubah
aku akhirnya lelah
terhimpit antara puak-puak
taksub dengan keyakinan diri
aku benar, kau salah!*

*Pada musim tidak menentu ini
izinkan aku meluruh pertanyaan
adakah putik siasah itu
berbunga dusta?*

Hazayani Zakaria

JEMBALANG muncul di perpustakaan kampung kami

OLEH HANIFF YUSOFF

WUJUDKAH jembalang? Saya percaya segala macam kecanggihan teknologi dan juga fenomena ais krim pasu pada masa kini tidak mampu menafikan kewujudan jembalang-jembalang di muka bumi ini. Mungkin manusia yang mempunyai saraf-saraf kemodenan yang terlalu ekstrem pada otaknya tidak pernah mempercayai entiti yang digelar 'jembalang' ini biarpun jenis-jenis jembalang pernah disebut dalam sebuah filem seniman agung, P. Ramlee. Sebenarnya aku sendiri tidak menyalahkan golongan yang tidak mempercayai jembalang ini kerana mungkin mereka sendiri belum pernah terserempak dengan entiti yang menakutkan ini.

Perpustakaan di kampung kami memang sudah lama tidak dipedulikan masyarakat. Maklumlah, orang sekarang lebih cakna akan kemunculan ais krim pasu dan segala cereka-cereka yang berkaitan dengan suami. Entahlah saka mana yang telah merasuk masyarakat di kampung ini sehinggakan perkara yang remeh lebih diutamakan sedangkan kita perlu lebih fokus dan berfikiran lebih matang dalam usaha mencapai Wawasan 2020.

Walau bagaimanapun, akhir-akhir ini perpustakaan di kampung kami sering disebut-sebut masyarakat sekampung, malah ada wartawan yang sanggup ke kampung kami untuk mendapatkan bahan berita setelah kejadian di kampung kami ini tersebar luas. Malapetaka yang menimpa perpustakaan yakni sebuah gedung yang menyimpan khazanah ilmu bukanlah sesuatu perkara yang baru. Pernah suatu ketika dahulu, sebuah perpustakaan yang dikenali sebagai Bayt al-Hikma telah mengalami malapetaka apabila dibakar. Sayang seribu kali sayang, perpustakaan yang kaya dengan karya terjemahan ini musnah begitu sahaja. Kebijaksanaan yang ada dibakar dan dibuang ke dalam sungai Tigris. Dan kini, perpustakaan di kampung kami pula menerima nasib malang apabila dihuni jembalang-jembalang.

Berita kemunculan jembalang-jembalang di perpustakaan kami bermula apabila beberapa orang remaja yang melintasi perpustakaan itu ternampak kelibat



makhluk aneh yang sangat menyeramkan mereka. Dalam kesamaran cahaya lampu jalan ketika itu, rasa ketakutan tiba-tiba menerjah perasaan mereka yang baru pulang dari menikmati keseronokan duniawi. Keesokan harinya, cerita itu mula tersebar di kampung kami dan kejadian seperti itu semakin kerap berulang sehingga ada yang tidak kuat imannya mudah sahaja kerasukan. Sejak itu juga, perpustakaan kampung kami semakin sepi daripada dikunjungi.

Saya masih belum dapat menerima segala yang berlaku kerana perpustakaan di kampung kami merupakan tempat yang sering saya singgahi kala saya kebuntuan. Daripada saya terus membiakkan kutu di kepala, lebih baik saya ke perpustakaan untuk membaca. Mungkin boleh tumbuh pohon emas kebijaksanaan pula di kepala saya. Sayalah yang untung, menjadi kaya-raya. Biarpun kisah-kisah jembalang di perpustakaan masih merayap-rayap di kampung kami, saya ketepikan perasaan takut dan tetap mahu menjengah perpustakaan di kampung kami itu.

Kehadiran saya disambut dengan rasa kesunyian yang melata-lata di perpustakaan itu. Pustakawan yang menjaga perpustakaan di kampung kami juga sudah berhenti kerja kerana sering diganggu jembalang. Saya terus meluru

ke rak yang paling saya gemari, namun sayang seribu kali sayang kerana banyak buku yang sudah hilang. Mata saya meliar melihat rak-rak buku lain yang ada di dalam perpustakaan, dan ternyata bahawa buku-buku di dalam perpustakaan di kampung kami ini semakin berkurangan. Saya fikir mungkin ada konspirasi dalam kejadian kemunculan jembalang-jembalang di perpustakaan kami ini.

Dalam sebuah perjumpaan yang diadakan untuk mencari jalan penyelesaian yang sepatutnya dihadiri oleh masyarakat kampung yang lebih berusia, saya turut hadirkan diri juga. Menyelit dalam kalangan mereka. Saya juga turut memberikan pandangan saya. Semua mata memandangi saya. Ya, saya tahu saya belum cukup dewasa tetapi saya juga punya suara.

"Saya rasa mungkin wujud konspirasi di sebalik kemunculan jembalang-jembalang di perpustakaan kita ini."

"Konspirasi? Kamu ni terlalu banyak membaca buku fiksyen fantasi di perpustakaan kita tu barangkali," sambut seorang penduduk kampung berkumis lebat.

Pandangan saya menjadi bahan ketawa sekaligus masyarakat kampung yang ada.

Seorang warga kampung yang lebih tua mengandaikan kemunculan jem-

balang di perpustakaan kami berkaitan dengan tapak perpustakaan itu sendiri yang sebenarnya merupakan tempat jembalang bertenggek sejak berzaman lagi.

"Mungkin jembalang-jembalang tersebut telah marah kerana ketika perpustakaan desa kita dibina, upacara meminta izin terlebih dahulu tidak dijalankan dan mereka merasakan tempat bertenggek mereka telah diganggu oleh manusia."

Saya hampir ketawa. Saya simpan dan pendamkan sahaja di dalam perut saya dengan harapan agar usus-usus saya tidak mengalami sebarang komplikasi yang serius. Saya tiada niat untuk mentertawakan pendapat orang lain, cuma terasa lucu. Itu sahaja.

Saya fikir kampung saya ini semanginya penuh dengan malapetaka dan malapetaka yang paling besar apabila kebijaksanaan dibiarkan tersimpan sahaja di dalam kocek baju dan akhirnya terus lesap setelah baju dimasukkan ke dalam mesin basuh.

Masyarakat kampung saya bersetuju untuk ke perpustakaan beramai-ramai pada malam keesokan harinya dengan membawa pelbagai sajian seperti ayam kampung dan pulut kuning. Alangkah terkejutnya kami setelah memasuki ke dalam perpustakaan apabila mendapati tiada senaskah buku pun di dalam perpustakaan kami.

"Wahai anak muda, semalam kamu ada bercakap tentang konspirasi. Apa yang cuba kamu sampaikan sebenarnya?" soal seseorang.

"Saya rasa jembalang tidak suka membaca buku. Jadi saya fikir kemunculan jembalang itu hanyalah konspirasi pihak-pihak tertentu yang mahu melihat ketamadunan bangsa kita mundur. Pertama mereka menjarakkan kita untuk mendekati gedung ilmu dan kedua mereka mengaut khazanah ilmu yang ada di dalam perpustakaan ini. Usaha mereka berjaya dan kita yang ternganga!"

Kirim cerpen dan puisi kepada seniselangor@gmail.com untuk disiarkan di halaman ini setiap minggu. Karya yang terpilih akan dinilai untuk pemberian anugerah - Ketua Pengarang

Taman Sains Selangor bawa pelaburan RM1.5 bilion

OLEH NORHAYATI UMOR

PUTRAJAYA - Kerjasama Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dengan Raudhah City serta sebuah syarikat luar bagi membangunkan Taman Sains Selangor (TSS) bakal membawa pelaburan RM1.5 bilion

Pengurus Besar PKNS, Azlan Md Alifiah, berkata pembangunan TSS keseluruhannya membawa Nilai Pembangunan Kasar (GDV) sehingga RM20 bilion dijangka siap dalam tempoh 15 tahun.

"Ketika ini, PKNS sudah membangunkan 20 hingga 30 ekar. Kita menggalakkan pembangu-

nan dijalankan supaya menjadi katalis kepada kawasan ini.

"Ini produk dan kawasan baru yang menjadi tarikan pelabur luar dan dalam negara memandang ia strategik dan hampir dengan Kuala Lumpur," katanya kepada SelangorKini.

Katanya, TSS yang terletak di Putrajaya dengan keluasan 1,300 ekar dijangka menjadi mercu PKNS sebagai pemacu pertumbuhan sosio ekonomi Selangor.

Taman itu juga bakal menerajui katalis pembangunan 'New Township New City' di negeri itu.

"Pada 2011, taman ini pernah



Lokasi strategik Selangor Science Park memacu pertumbuhan ekonomi serta menarik pelabur dalam dan luar negara

mendapat anugerah pelan terbaik bagi kawasan baru dan kita melihat rentetan itu pembangunan ini bermula.

"Dalam tempoh 15 tahun, kita akan merencanakan lagi Cyberjaya dan Sepang. Kita akan membangunkan komuniti dari segi

pembangunan pesat dan pembangunan berciri pendidikan," katanya.

Beliau berkata, PKNS akan memulakan pembinaan jambatan baru pada Julai depan dan dijangka siap dalam tempoh 12 bulan.

Sampah haram

MPK sita kenderaan pacuan empat roda

KLANG - Tindakan tidak bertanggungjawab lima individu disyaki membuang sisa perut ikan di Jalan Temenggung, Taman Sentosa, di sini, berjaya ditumpaskan Majlis Perbandaran Klang (MPK).

Ketua Komunikasi Korporat MPK, Norfiza Mahfiz berkata, kejadian itu berlaku ketika MPK menjalankan operasi khas membanteras pembuangan sampah haram.

"Ketika kejadian, kumpulan itu menggunakan kenderaan pacuan empat roda membuang sisa perut ikan dipercayai dari pasaraya berhampiran.

"Ekoran itu, kenderaan berkenaan disita atas kesalahan Undang-Undang Kecil 4 Pemungutan, Pembuangan



dan Pelupusan Sampah Sarap (MPK) 2007 kerana membuang sampah di tempat yang tidak ditetapkan," katanya dalam kenyataan media.

Norfiza berkata, MPK terus memantau secara dari masa ke masa membanteras kegiatan itu. Hubungi MPK : talian 03-33748845.

JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER



Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam gred, kategori dan pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buata masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat yang Memanggil tender	Tajuk Projek	Taraf/Jenis Syarikat*	Gred, Kategori, Pengkhususan/ KelasTajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	PEMASANGAN SISTEM EXTRA LOW VOLTAGE UNTUK CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN BANGUNAN IBU PEJABAT JABATAN KERJA RAYA NEGERI SELANGOR DI SEKSYEN 17, SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN JKR/SEL/ (N)028(T)/2015	Bumiputra T1	CIDB, SPKK, PKK & UPEN Gred : G7/G6/G5/G4 Kategori : ME Pengkhususan: E01, E02, E04 & E11	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. 28/05/2015 (Khamis) Sehingga 11/06/2015 (Khamis)	RM250.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada: 18/06/2015 (Khamis) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari

Lawatan Tapak Digalakkan. Sebarang pertanyaan hubungi Bhg. Elektrik, JKR Negeri Selangor. No. Tel: 03-55447738

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, hanya penama yang tercatat di dalam sijil PKK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos di atas nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontrak yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia serta Sijil Taraf Bumiputra yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (Jika Berkenaan) beserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputra (jika berkenaan)

*Jenis Syarikat Tempatan:

- T1 Syarikat 100% milik tempatan
- A1 Syarikat 100% milik tempatan dan syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah 10% warganegara.
- A2 Syarikat 100% milik tempatan, syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL dan Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

OLEH AFIX REDZUAN

SUBANG JAYA - Daerah Petaling mencatat penurunan kes denggi kepada 331 kes sehingga 9 Mei lalu berbanding statistik pada 7 Februari lalu yang menunjukkan hampir 1,000 kes dilapor setiap minggu.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata penurunan itu hasil program Terjah dan Musnah Aedes di seluruh negeri.

"Ini pencapaian baik apabila kita berjaya menurunkan lebih setengah kes denggi tahun ini. Terima kasih kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) dan petugas lain," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Karnival 3C Sihat Selangor di Kompleks Kreativiti Kanak-kanak dan Komu-

Penurunan kes denggi dua kali ganda

niti (Kompleks 3C), 23 Mei lalu.

Pelbagai aktiviti diatur antaranya berjalan 10,000 langkah, selain 21 pertandingan dan rekreasi lain antaranya Carboot Sale, pertandingan ayam serama dan tulisan khat.

Karnival kali kedua itu bersempena Kempen Sihat Selangor

Hadir sama, Yang Dipertua (YDP) MPSJ, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan dan Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat, Muhamad Zaki Yusoff.

Pamer kreativiti fesyen tempatan

SHAH ALAM - Penganjuran Selangor Orked Fesyen Festival 2015 khusus bertujuan memartabat dan memberi pendedahan kepada wanita berdaya dengan fesyen.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata ia membuka ruang kepada pereka fesyen tempatan mempamerkan hasil rekaan tersendiri.

"Kita menggalakkan aktiviti keusahawanan dalam industri fesyen untuk membantu usahawan wanita menjana pendapatan dan meluaskan pasaran.

"Kita juga memberi peluang kepada pelajar yang menceburi bidang rekaan fesyen un-

tuk mengetengahn bakat dan kreativiti," katanya pada kenyataan media.

Ia dijadual berlangsung di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC), selama tiga hari bermula 29 Mei dan sebanyak 80 gerai jualan disediakan dengan 80 peratus daripadanya sudah ditempah.

Penyertaan pereka fesyen tempatan dan antarabangsa, artis, peminat rekaan fesyen masa kini, usahawan industri fesyen juga aksesori, intitusi pengajian tinggi dan pelancong, disasar.

Penganjuran itu sekaligus membuktikan sokongan Kerajaan Negeri dalam memberi ruang berkarya kepada pereka fesyen tempatan.

SIERRA 6
Superlink 3 Tingkat
IOI SIGNATURE

SUPERLINK EKSKLUSIF YANG LUAS DAN MEWAH

Sierra 6 memberikan gaya kehidupan yang anda idamkan.

- + Harga daripada RM1,999,000*
- + Saiz lot daripada 47' x 77'
- + Keluasan binaan daripada 3,520 kpi
- + Sistem keselamatan rumah
- + Kunci digital untuk pintu depan
- + Komuniti berpagar
- + Rumah pengawal keselamatan dengan kawat CCTV dan sistem akses kad
- + Dua bilik tidur utama dengan kelengkapan bilik mandi berjenama Toto dan Grohe**
- + Sistem pemanas air solar dan sistem pemuliharaan hujan

Rumah Contoh Dibuka Untuk Kunjungan | Isnin - Ahad (10 pg - 5 ptg)
Hubungi : 03-8944 9999 atau layari www.sierra6superlink.com.my

Peragang & Pemegang:
IOI GALERANG 16 SIERRA
Pusat Dagang Utama, Bandar 16 Sierra, 47110 Petaling Jaya, Selangor S.E.
Tel: 03-8944 9999 | Fax: 03-8944 9999 | E-mail: sierra6superlink@ioi.com.my

SELANGOR ORKED FASHION FESTIVAL 2015

29, 30 & 31 Mei 2015
Pusat Konvensyen Shah Alam SACC

Qualan Mega
FESYEN AKSESORI KOSMETIK

Artisan:
YB. Puan Dr. Daroyah Alwi
Pegawai Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita & Keluarga, Negeri Selangor

MALAM GALA ORKED 2015
PERTANDINGAN REKAAN FESYEN ORKED 2015

Cabutan bertuah!
Masuk percuma!

Persembakan Artis Popular
Artisan bersama: **soff**



"Where delights meet blessings"

SELANGOR ISLAMIC FEST 2015 | 30-31 MAY 2015
STADIUM MALAWATI SHAH ALAM

Various food and beverage | Archery competition | Men's and women's fashion sale | Local artists | Exhibition of historical Islamic artifacts | Selangor bersekolah and many more.



SELANGOR



selangorislamicfest



selangorislamicfest



www.tourismselangor.my



+60355132000



Kesusahan Nenek Che Yah menanggung empat cucunya di USJ, Subang Jaya mendapat perhatian LZS. Keluarga ini didaftarkan sebagai asnaf miskin di LZS. Untuk permulaan, bantuan kecemasan sebanyak RM300 disalurkan

LZS bantu nenek jaga 4 cucu

SHAH ALAM - Kesukaran hidup keluarga Nenek Che Yah menanggung empat cucunya di USJ, Subang Jaya mendapat perhatian Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Ia berikutan keluarga itu didaftarkan sebagai asnaf miskin agi memudahkan menerima bantuan.

"Untuk permulaan, bantuan kecemasan RM300 disalurkan. LZS sedang menguruskan bantuan kewangan bulanan, sewa rumah dan bantuan Hari Raya.

"Semoga kedatangan Ramadan nanti, memberi keceriaan kepada keluarga nenek Che Yah," kata LZS melalui Facebook.

LZS turut berterima kasih atas maklumat orang ramai berikutan kisah itu menjadi viral di media sosial.

Jika terjumpa individu atau keluarga memerlukan, salurkan maklumat ke Talian Zakat Selangor 1-800-88-5353 atau mengunjungi xawangan LZS.

Manipulasi kamera hasilkan 'tikus gergasi'

SHAH ALAM - Imej gambar 'tikus gergasi' yang ditangkap di USJ 11 dan tersebar dalam media sosial hasil manipulasi teknik kamera.

Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh, berkata beliau memuat naik imej sebenar saiz tikus itu dalam operasi menghapuskan haiwan perosak oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).

"Sudut pandang tikus itu diambil membuatnya kelihatan amat besar." Barisan Nasional patut menghenti perbuatan membuang masa memutar belit cerita tikus itu," katanya di Facebook.



THE PALM GARDEN

- Bilik C - Freezer/Refrigerator Dibuka untuk jualan
- Kedai / Pejabat Dibuka untuk unit komersial

Kelengkapan yang di sediakan di THE PALM GARDEN

The Palm Garden terletak di lokasi yang strategik di tengah-tengah kawasan perbandaran Bandar Baru Klang.

- Di kelilingi dengan banyak kemudahan.
- Merangkumi kediaman yang berprestij dan kedai / pejabat dalam satu pembangunan.
- Amat sesuai untuk mereka yang mencari kediaman yang luas.
- Di lindungi dengan kemudahan dalaman & kawalan keselamatan bagi memastikan kehidupan yang selamat.

SILA DATANG MELAWAT PEJABAT PAMERAN KAMI

MASA : 10am - 5pm

TEMPAT : THE PALM GARDEN

Pameran Bukit Raja, Bandar Baru Klang, 41150, Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

GPS : 3°07'56.17"N 101°17'42.7"E

FREE ACMAR SDN BHD

11, Jalan Perindustrian, Bandar Baru Klang, 41150, Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

T: 03-311 5624

019-311 5624

03-3343-8899

www.acmar.com



TANGKAS...

Aksi pemain bola sepak bawah bawah 8 tahun semasa Kejohanan Bola Sepak Piala Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) 2015 yang diadakan di Padang Utara Kompleks Sukan Astaka Petaling Jaya

Ambil pemain berpotensi bekerja

MBPJ serap bakat sukan

OLEH AFIX REDZUAN

PETALING JAYA - Bagi menjamin masa depan bakat sukan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menyerap mereka sebagai kakitangan.

Koordinator Pembangunan Bola Sepak MBPJ, Mohd Yusop Shamsuddin berkata, langkah itu bagi memastikan aspek kebajikan pemain terjamin.

"Bagi bakat baru yang kita cungkil untuk sukan diambil se-

bagai kakitangan untuk bermain dengan pasukan kita," katanya kepada Selangor Kini.

Beliau berkata, MBPJ menubuh Akademi Pembangunan Bola Sepak sejak 1998 berikutan terlibat dengan Liga Malaysia.

"Kita mengorak langkah menggilap bakat baru dari akar umbi bermula bawah lapan hingga 17 tahun.

"Kita mengadakan latihan setiap Sabtu dan Ahad di Padang Dataran Timur bermula 4.30 pe-

tang hingga 7 malam,"katanya.

Mengenai Karnival Bola Sepak Belia Piala Datuk Bandar MBPJ, Mohd Yusop, berkata RM30,000 diperuntuk setahun untuk aktiviti bola sepak.

Beliau berkata, kejohanan itu menerima sambutan hangat melalui penyertaan 96 pasukan bagi empat kategori.

MBPJ pernah menempa sejarah sukan tanah air apabila menjadi pasukan kelab pertama menjuarai Piala Malaysia pada 2003.

Juara Piala Datuk Bandar

PETALING JAYA - Pasukan Majlis Bandaraya Petaling Jaya B (MBPJ-B) menjuarai Piala Datuk Bandar MBPJ 2015 bawah 17 tahun menewaskan pasukan Gen-Pro, 1-0.

Gol tunggal dijaring penyeringnya, Arif Ikhwan Hasril selepas memanfaatkan peluang ekoran kesilapan penjaga gol Gen-Pro yang gagal menampun kemas sepakan percuma Mohd Afzal Akhbar.

Perlawanan berlangsung seimbang tetapi dicemari insiden dua kad merah sekalipun suasana tegang itu dapat dikawal keseluruhannya.

MBPJ-B membawa pulang wang tunai RM1,500, trofi dan sijil penyertaan.

Jurulatihnya, Abd Hamid

Mohd Tahir gembira dengan kemenangan itu dan melempar pujian terhadap disiplin pemainnya.

"Tahun lalu, kita kecewa di kejohanan 1MCC sebagai naib johan tetapi tahun ini dapat melunaskannya pada perlawanan akhir," katanya kepada Selangor Kini.

Penjaring gol tunggal yang juga pemain terbaik kejohanan, Arif Ikhwan, 16, juga gembira dapat membantu pasukannya muncul selaku juara tahun ini.

Pelajar Sekolah Menengah Victoria itu juga menyimpan hasrat bermain secara profesional dalam Liga Malaysia.

"Saya bangga kerana menaikkan nama MBPJ dan itulah gol pertama dijaringkan dalam kejohanan itu,"katanya.

KGFC mahu unggul Liga Perdana Selangor

SHAH ALAM - Klang Gate Football Club (KGFC) bukan nama besar dalam sukan bola sepak tanah air meskipun bergiat aktif lebih 10 tahun lalu.

Bagaimanapun, kelab itu memiliki kehebatan tersendiri dengan menyertai pelbagai kejohanan liga bola sepak dan menggilap bakat anak muda di Lembah Klang.

Pegawai Pembangunan dan Perhubungan Awamnya, Megat Mohd Noor, berkata kejayaan terbesar dikecapi apabila melayakkan diri ke peringkat akhir Liga Perdana Selangor musim 2015.

"KGFC pasukan pertama menempah tiket ke perlawanan akhir dalam Liga Perdana Selangor musim ini yang berlangsung 12 Jun depan.

"Ramai tidak tahu mengenai kelab ini tetapi kita banyak mencatat kemenangan sejak 1997,"katanya kepada Selangor Kini.

Megat berkata, KGFC yang sinonim dengan jolokan jaguh kampung bermula dengan divisyen tiga pada 1997 sebelum muncul juara.

Katanya, kelab itu kemudian menyertai divisyen dua dan satu Liga Super Selangor, Liga



KGFC yakin dengan kemampuan mereka menggegar Liga Perdana Selangor tahun ini

Ambros dan beberapa kejohanan lain.

"Ada meragui kebolehan KGFC, rujuk Persatuan Bola Sep-

ak Selangor (FAS) untuk lihat prestasi kelab ini,"katanya.

Lebih membanggakan, katanya kebanyakan pemain dari

KGFC melebar sayap ke pasukan ternama seperti Pahang, Negeri Sembilan, Melaka dan Terengganu.